

## RISTAAN BANDAR BRUNEI

*Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan*

Kampong Ayer pernah menjadi pusat pemerintahan Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (TM 1485–1402) atau selepas zaman baginda, iaitu pada akhir KM XIV atau awal KM XV. Pada zaman kegemilangan pemerintahan Sultan Bolkiah, Kampong Ayer menjadi pusat pemerintahan Empayar Brunei yang meliputi seluruh pesisir Pulau Berunai (Borneo) dan sebahagian besar pulau-pulau yang sekarang ini dikenali sebagai Filipina.

Pada zaman itu Bandar Brunei merupakan pelabuhan perdagangan yang menjadi pusat perdagangan di antara Brunei dengan negara-negara luar. Barang dagangannya termasuklah kapur barus, kulit kayu manis, mutiara, intan, berlian (dari Tanjongpura, Sumatera), emas, ubar, lilin lebah, wangi-wangian, dan berbagai jenis makanan.<sup>1</sup> Sementara, barang-barang dagangan yang dihargai oleh penduduknya pada masa itu sebahagian besarnya barangan yang dibawa masuk seperti besi, gangsa (tembaga), raksa, cinnabar (pewarna merah untuk berdandan), barangan kaca/tembikar, dan kain-kain.

Penulis luar yang pernah datang ke Brunei menceritakan bahawa Bandar Brunei terletak di air. Sejak KM XVI hingga KM XX, Bandar atau ibu negeri Brunei masih lagi terletak di Sungai Brunei. Bandar atau ibu negeri Brunei sejak KM XVI hingga KM XX, masih lagi terletak di Sungai Brunei. Antonio



Dipetik dari buku *The Golden Legacy Brunei Darussalam*.

Pigafetta, seorang bangsa Itali yang datang ke Brunei pada tahun 1521 menyatakan bahawa Bandar Brunei itu keseluruhannya dibina di atas air kecuali Istana Sultan dan kediaman beberapa orang pembesar. Bandar Brunei mempunyai seramai 25,000 buah keluarga. Rumah-rumahnya diperbuat daripada kayu dengan menggunakan tiang-tiang tinggi. Apabila air pasang, wanita-wanita berperahu yang juga dikenali sebagai padian menjual barang keperluan untuk hidup.<sup>2</sup>

*Boxer Codex* melaporkan, pada tahun 1589 Bandar Brunei dibina di air yang terletak di dua buah bukit yang mengalir air bersih dan manis rasanya dari kedua bukit tersebut dan dialirkan ke rumah-rumah menggunakan bahan buluh untuk kegunaan mereka.

Olivier Van Noort, seorang pengembara berbangsa Belanda datang ke Brunei pada tahun 1601 yang melaporkan mengenai Bandar Brunei, menyatakan bahawa Bandar Borneo [Brunei] terletak dalam kawasan tanah berpaya, dan hanya terdiri daripada kira-kira 300 buah rumah yang dikelilingi oleh tembok batu yang kukuh. Di kawasan luar tembok terdapat beberapa buah rumah lain yang kebanyakannya mempunyai kebun. Kemudian terdapat kawasan pelabuhan yang luas yang terlindung daripada tiupan angin kerana ia dipagari oleh kuala sungai yang besar dan begitu juga yang terdapat di sebahagian besar pulau-pulaunya.

<sup>2</sup> *Buku Rancangan: Sambutan Jubli Perak Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan*, Jawatankuasa Kerja Penerbitan Buku Rancangan Sambutan Jubli Perak Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan, Bandar Seri Begawan, 1995, h. 17.

<sup>1</sup> Awang Jaafar bin Muhammad Sab, 'Kampong Ayer', *Pusaka*, Bil. 2, 1988, h. 27-38.

Begitu juga Peter Blundell dalam bukunya yang bertajuk *City of Many Waters* menyatakan bahawa Bandar Brunei ketika itu merupakan sebuah bandar yang unik dan satu-satunya bandar di dunia yang dibina hampir keseluruhannya berada di air dan menjadi kebanggaan bagi orang-orang Brunei.

Pada tahun 1906, satu Perjanjian Tambahan telah ditandatangani dan Sultan berkenan menerima seorang Residen sebagai wakil Kerajaan British bagi mewujudkan satu pentadbiran baru mengikut sistem barat.

Sejak menerima Residen British, usaha-usaha untuk memindahkan bandar yang terletak di Kampong Ayer ke darat telah dijalankan. Langkah pertama yang diambil oleh Residen ialah mendirikan sebuah pejabat Kerajaan, bangunan Balai Polis dan tempat penginapan (quarters) bagi menempatkan kakitangan dan pegawai-pegawai Eropah yang berkhidmat berhampiran dengan rumah Residen. Sebatang jalan raya menuju ke bandar mengikut Sungai Brunei telah dibina sepanjang satu setengah batu dan beberapa buah jambatan juga didirikan. Selain daripada itu perkhidmatan pos juga telah ditubuhkan, iaitu cawangan dari Pejabat Pos Sarawak yang ditempatkan di Muara Damit.

Berdasarkan syarat-syarat perjanjian yang dibuat pada tahun 1906, hak-hak Tulin yang dimiliki oleh kerabat Diraja dan Kuripan yang dimiliki oleh Manteri dipindahkan kepada pentadbiran Kerajaan dan diganti dengan elaun tahunan di bawah tajuk 'pencen politik'.

Tanah rata yang terdapat di belakang Istana Sultan di darat yang berhampiran dengan Kampong Ayer dibuka untuk menempatkan bandar baru. Keinginan Residen untuk mendirikan sebuah bandar di darat adalah disebabkan oleh faktor politik, ekonomi, sosial dan kesihatan.

Pembinaan jalan raya sepanjang Sungai Brunei dari Residency ke Bandar Brunei berjalan dengan lancar termasuk membaiki dan membaharui jambatan-jambatan. Pada tahun 1908, Jabatan Kerja Raya telah mendirikan sebuah bangunan baru bagi Pejabat Kastam dan bangunan-bangunan tambahan kepada kediaman pegawai-pegawai rendah, pasar daging dan jambatan serta memasang telefon untuk Pejabat Kastam.

Penempatan bandar baru di Bandar Brunei berjalan dengan lancar. Dua batang jalan yang lengkap dengan lampu telah disediakan. Pemilik-pemilik lot di bandar telah membuat persediaan bagi mendirikan bangunan kedai. Pada tahun berikutnya, Jabatan Kerja Raya telah membuat beberapa kerja membersihkan sungai-sungai dan membaiki terusan serta membekalkan air ke bandar melalui paip-paip air dari tasik yang telah dipasang kira-kira sebati jauhnya untuk membekalkan air minum ke kawasan bandar dan persekitarannya.

Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II (TM 1906–1924) memilih dan membuka tanah di atas sebuah bukit di belakang Istana Baginda, beberapa perubahan telah berlaku kepada orang ramai yang mula memahami faedah yang diperolehi dari pembukaan tanah dan ekoran daripada itu beberapa orang Pengiran telah membuka tanah dan berpindah ke Tumasik.<sup>3</sup>

Semua kedai Cina dari bandar di Kampong Ayer telah dirancang untuk dipindahkan ke daratan, satu perjanjian telah dibuat pada tahun 1910. Sebanyak 14 lot kedai yang dipohonkan telah dijual dan dimeteraikan. Pada 30 Jun 1910, enam buah kedai telah siap dibina dan pekedai-pekedai mula berpindah ke daratan dan sebuah Balai Polis telah ditempatkan.<sup>4</sup> Berbagai-bagai usaha telah dijalankan dengan menggalakkan pembukaan tanah termasuk cadangan memindahkan penduduk-penduduk Kampong Ayer ke darat telah dibuat. Perpindahan kerabat Diraja memberi galakan kepada



Dipetik dari *Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Brunei di Darat*.

<sup>3</sup> *Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Di Darat*, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, 2007, h. 38.

<sup>4</sup> *Buku Kenang-Kenangan ...*, h. 38.

penduduk Kampong Ayer untuk tinggal di daratan seperti Tumasik, Sungai Takuyong dan Sumbiling. Ketiga-tiga buah kawasan ini menjadi penempatan awal penduduk Kampong Ayer.

Penempatan rumah dan kedai telah membuka sebuah bandar, dan pada tahun 1911, pembinaan masjid di daratan telah siap dibina. Ini mendorong penduduk kampung untuk berpindah ke darat. Peniaga Cina menganggap penempatan di darat akan menjadi pusat perdagangan yang maju pada masa akan datang.



Dipetik dari *Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006)*  
Pembangunan Bandar Brunei di Darat.

Peneroka pertama yang mendiami kawasan tanah kering di bandar adalah di kalangan golongan bangsawan kerabat Diraja, Cina dan orang Melayu. Menyedari sambutan penduduk kampung yang begitu menggalakkan, Kerajaan meneruskan usaha menyediakan tapak di pinggir Sungai Brunei dan Sungai Kedayan. Pembukaan kawasan baru tersebut telah mewujudkan perkampungan baru di kawasan bandar seperti Kampong Pasar (kawasan Panggung Borneo), Kampong Saringan (kawasan Bank Islam Brunei) dan perpindahan Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II ke kawasan daratan Kampong Sultan Lama. Kemudian diikuti oleh orang ramai yang tinggal bertaburan di kawasan tengah bandar di antara sempadan Sungai Kedayan dengan Sungai Kianggeh, iaitu Kampong Sumbiling, Kampong Kianggeh, Kampong Berangan, Kampong Padang, Kampong Saringan, Kampong Tasek, Kampong Tongkadeh, dan Kampong Kumbang Pasang. Berdasarkan banci penduduk pada tahun 1911 terdapat seramai 14,463 orang tinggal di Bandar Brunei.

Memandangkan pertambahan penduduk di kawasan darat, Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya telah membina bangunan baru Kastam bagi urusan dalam perdagangan, di samping menggantikan jambatan lama dengan jambatan kekal di Jalan Residency bagi kemudahan perhubungan kawasan sekitarnya. Tanah berpaya di kawasan bandar juga telah ditimbus. Sebatang jalan raya telah dibina dari kedai ke Istana melalui masjid. Untuk kemudahan orang ramai memenuhi keperluan seharian, sebuah pasar dan masjid telah didirikan. Kerja-kerja membina pejabat kerajaan, berek-berek dan penjara yang baru masih diteruskan.

Menyedari di kalangan orang Melayu tidak pandai membaca dan menulis, Kerajaan telah membuat persediaan untuk mengadakan sekolah di Brunei. Pada tahun 1914, sekolah telah diadakan dengan penempatan sementara di masjid Bandar Brunei. Keramaian murid pada masa itu adalah seramai 30 orang dan kesemuanya adalah lelaki. Kemudian sekolah tersebut dipindahkan pula ke bangunan bekas Pejabat Monopoli.

Pada tahun 1915, Sekolah Melayu Bandar Brunei ditutup selama beberapa minggu kerana kesukaran bagi mendapatkan pengganti seorang guru yang telah meninggal dunia. Pada tahun yang sama sebuah sekolah dan rumah guru telah didirikan bagi menempatkan sekolah yang ada. Sebuah Lapau baru dan Balai Penghadapan yang bertiang batu terletak bersebelahan dengan Lapau lama telah mula digunakan.

Pembinaan jalan kecil sepanjang sebatu setengah telah dimulakan dari bandar menuju ke tebing Sungai Kedayan berhadapan dengan Menglait melalui beberapa buah kampung. Pada tahun 1917, Jabatan Kerja Raya telah menyiapkan jalan raya Kianggeh sepanjang tiga batu dan tambahan jalan raya Residency sepanjang dua satu perempat batu.

Pada tahun 1920, sebuah bangunan Kastam dan tambatan baru telah dibina bagi menggantikan yang lama. Bangunan Kastam lama dijadikan pasar. Pemindahan berek-berek polis dari tapak lama di bukit Residency ke bandar telah dilakukan. Begitu juga dengan jalan raya di kawasan bandar telah dibubuh tar.

Pada tahun 1921, perkhidmatan telegraf telah dimulakan. Pada tahun itu juga Lapau Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II telah dipindah ke darat berdekatan dengan bangunan pejabat Kerajaan bagi menggantikan Lapau di Kampong Ayer. Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II dan keluarga Diraja telah berpindah dari Istana di Kampong Ayer ke Istana baru di darat pada tahun 1922.

Pada tahun 1924, sebuah jambatan merintanggi Sungai Kedayan telah dirasmikan oleh Clifford, Pesuruhjaya Tinggi British. Jambatan tersebut diberi nama dengan nama beliau sendiri. Buat pertama kalinya sebanyak empat buah kereta telah diimport ke Brunei. Jalan raya Brunei-Tutong telah siap dibina pada Mei 1927. Pada tahun berikutnya sebuah Balai Polis dan Penjara telah siap dibina termasuk tiga buah rumah Kerajaan.

Pada tahun 1929, Sultan Ahmad Tajuddin berangkat merasmikan pembukaan rumah sakit di Bandar Brunei. Sebuah jambatan konkrit menyeberangi Sungai Kianggeh telah siap dibina. Kerja-kerja pembinaan pangkalan kastam yang baru di Bandar Brunei telah mula dijalankan.

Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan satu Enakmen Lembaga Kebersihan yang akan dapat mengekalkan kebersihan dan keselesaan serta mengelak daripada wabak penyakit berjangkit seperti kolera dan cacar. Pada tahun 1931, perbadanan dan perumahan di Bandar Brunei di bawah kawalan Badan Kebersihan dan Perumahan iaitu rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan, kedai-kedai dan rumah-rumah penduduk tempatan.

Perkembangan Bandar Brunei kepada bandar kembar yang terdiri daripada rumah-rumah di air, perahu-perahu sebagai pengangkutan dan rumah-rumah kedai di darat merupakan usaha Residen British bagi memudahkan pelaksanaan pentadbirannya. Keadaan Bandar Brunei mula berubah dari sebuah bandar yang mengandungi rumah-rumah papan yang beratapkan daun nipah yang dibina pada keseluruhannya di atas permukaan air telah melarat ke tebing Sungai Brunei.

Keputusan memindahkan ibu negeri ke darat telah membawa kepada perbezaan layanan dari segi pentadbiran dan perkembangan terhadap bahagian baru dan lama, yang menyebabkan bahagian lama kehilangan kepentingan dan akhirnya menjadi dua buah kawasan yang berasingan, dikenali sebagai Kampong Ayer yang ditadbir oleh Pegawai Daerah, dan Bandar Brunei ditadbir oleh Pengerusi Majlis Bandaran.

Pada tahun 1932, sebuah pasar dibina dan Dermaga Kastam diperbesar. Sebahagian besar kawasan paya telah ditimbuk untuk pembinaan rumah-rumah kedai seterusnya. Bandar Brunei mempunyai beberapa kemudahan, iaitu jalan raya, rumah-rumah, rumah sakit dan panggung wayang. Setelah perang Jepun meletus kebanyakan bangunan yang ada di kawasan bandar telah musnah akibat daripada serangan Tentera Bersekutu dalam peperangan tersebut.

Era kemajuan Bandar Brunei bermula setelah Perang Dunia Kedua tamat. Jabatan Kerja Raya telah menyediakan satu pelan bagi pembangunan Bandar Brunei yang merangkumi kawasan Kampong Ayer. Dalam era ini juga pihak Kerajaan telah melaksanakan dasar bagi menggalakkan kemajuan pertanian dan perpindahan bagi penduduk Kampong Ayer.

Rancangan Negara Tahun 1953 Pertama merupakan satu usaha penting dalam pembinaan bangunan moden di Bandar Brunei. Dalam pembangunan yang pesat di bandar ketika itu menyebabkan pertambahan penduduk dan terbitnya masalah perumahan. Bagi menangani perkembangan ini, pihak Kerajaan telah menaikkan taraf Town Sanitary Board kepada Lembaga




Dipetik dari *Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Brunei di Darat.*

Bandaran pada tahun 1956. Sebelum tahun 1959, Lembaga Kebersihan dan Lembaga Bandaran dipengerusikan oleh British Residen dan dibantu oleh penolongnya.<sup>5</sup> Pada tahun 1959, Pegawai Daerah Brunei dan Muara sebagai Pengerusi Lembaga Bandaran, dan juga menjadi Ketua Jabatan Bandaran manakala Setiausaha Lembaga Bandarannya pula sebagai Pegawai Kanannya.<sup>6</sup>

Pada tahun 1965, bagi memastikan pembangunan fizikal yang teratur di Bandar Brunei, Kerajaan telah mencadangkan penyediaan satu pelan rancangan kemajuan Bandar Brunei daripada sebuah firma dari London Alister MacDonald dan rakan-rakan. Proses merangka pelan tersebut siap pada September 1966.

<sup>5</sup> *Buku Kenang-Kenangan ...*, h. 1.

<sup>6</sup> *Buku Rancangan: Sambutan ...*, h. 18.



Dipetik dari *Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Brunei di Darat.*

Pada tahun 1967, Bahagian Perancangan Bandar di bawah Jabatan Kemajuan, Jabatan Setiausaha Kerajaan telah ditubuhkan yang merupakan langkah permulaan ke arah perkembangan fizikal yang lebih teratur.

Pada 4 Oktober 1970, Bandar Brunei sebagai ibu negeri Negara Brunei Darussalam telah bertukar menjadi Bandar Seri Begawan.<sup>7</sup> Tarikh penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan itu dipilih bersempena dengan tarikh ulang tahun ketiga Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien turun dari takhta Kerajaan pada 4 Oktober 1967. Sejak tahun 1970, pusat bandar berkembang melalui beberapa proses pembaikan, pembangunan semula dan pembesaran yang berterusan.

Pada tahun 1972, terdapat perubahan baru kepada Lembaga Bandaran dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan iaitu apabila Jabatan Bandaran dijadikan satu jabatan yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Bandaran yang juga merangkap sebagai Pengerusi Mesyuarat Lembaga Bandaran.

Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, Jabatan Perancang Bandar dan Desa melalui sebuah firma antarabangsa, Huszar Brammah and Associates telah menghasilkan satu laporan komprehensif yang dikenali sebagai 'Kampong Ayer and Central Area' yang merupakan sebahagian daripada laporan Pelan Induk Negara Brunei Darussalam. Ia juga digunakan sebagai garis panduan bagi kemajuan Bandar Seri Begawan hingga tahun 2005.

<sup>7</sup> *Buku Kenang-Kenangan ....*, h. 47.

## Bibliografi

- Abdul Latif Haji Ibrahim, *Pameran Gambar-Gambar Bandar Seri Begawan*, Muzium Brunei, Bandar Seri Begawan, 1970.
- Awang Jaafar bin Muhammad Sab, 'Kampong Ayer,' *Pusaka*, Bil. 2, 1988, h. 27-38.
- Brown, D.E., 'Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate,' *Monograph of The Brunei Museum Journal*, Vol. 2, No. 2, 1970.
- Borneo Bulletin*, 18 December 1954.
- Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Di Darat*, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, 2007
- Brunei Annual Report*, 1955.
- Buku Rancangan: Sambutan Jubli Perak Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan*, Jawatankuasa Kerja Penerbitan Buku Rancangan Sambutan Jubli Perak Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan, Bandar Seri Begawan, 1995.
- Harrison, T. & B. Harrison, 'Kota Batu in Brunei', *The Sarawak Museum Journal*, Vol. VII, No. 8, December, 1956, h. 283-319.
- Hirth, F. & Rockhill, W.W. (ed.), Chau Ju-Kua, *His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries, [entitled Chau Fan-Chi]*, St. Petersburg, Imperial Academy of Sciences, 1911.
- Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
- Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, 1971.
- Nicholl, R., *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in Sixteenth Century*, Muzium Brunei, Bandar Seri Begawan, 1975.
- Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Islam in Brunei', *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4, No. 1, 1977, h. 35-42.
- Sweeney, P.L.A., 'Silsilah Raja-Raja Brunei', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XLI, Part 2, December 1968, h. 1-82.